



PENGURUSAN KEWANGAN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN ANTARA JABATAN MENCAPAI 4 BINTANG

"Saya amat berbangga dan mengucapkan tahniah kepada jabatan kerajaan yang telah mencapai tahap "Sangat Baik" dan pencapaian markah melebihi 90 peratus." Alhamdulillah, nampaknya semua jabatan kerajaan berusaha melaksanakan saranan Y.A.B. Dato' Seri Utama Hj. Mohamad bin Hj Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Kerajaan Negeri sangat menggalakkan setiap jabatan kerajaan meningkatkan tahap pengurusan kewangan menjadi lebih baik setiap tahun. Inilah imej jabatan kerajaan yang perlu dikekalkan untuk melonjak prestasi penjawat awam.

Jabatan kerajaan yang telah mencapai kejayaan pada tahap 'Sangat Baik' pada tahun 2013 ialah Majlis Perbandaran Seremban, Pejabat Kewangan Negeri, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Pejabat Daerah dan Tanah Seremban, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.

Antara ciri-ciri perlu diamalkan oleh setiap pegawai di setiap jabatan ialah perlu cekap dan mahir mengaplikasikan konsep & kaedah pengurusan kewangan secara berkesan, mempunyai pengetahuan mengenai undang-undang dan peraturan kewangan, pegawai yang terlibat perlu mempunyai nilai-nilai dan akhlak murni seperti amanah, berintegriti, cekap, jujur beretika, dedikasi, berilmu dan berdisiplin serta mengikut prosedur @ senarai semak yang jelas dan mudah difahami. Hadiah dan sijil disampaikan oleh YAB. Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Mahathir, Menteri Besar Kedah Darul Aman, di Hotel Grand Alora, Alor Setar pada 24 November 2014. Turut hadir sama Y.Bhg. Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin Buang, Ketua Audit Negara. Tahniah kepada semua, kekalkan prestasi untuk membangunkan masyarakat di Negeri Sembilan.

YB. Dato' Haji Mat Ali bin Hassan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Merangkap Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Darul Khusus



Pengarah dan Seluruh Warga Kerja
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN
Mengucapkan
SELAMAT HARI LAHIR
Kepada
YB. DATO' HJ. MAT ALI B. HJ. HASSAN
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Merangkap
Pengerusi
Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan
Pada 1 Disember 2014 bersamaan 8 Safar 1436 H

Semoga YB. Dato' dipanjangkan umur, di murahkan rezeki dan sentiasa dipelihara Allah S.W.T untuk terus memimpin seluruh warga penjawat awam di Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan bagi terus memacu kecemerlangan dan kegemilangan Perkhidmatan Awam di Negeri Sembilan

DAFTARLAH SEBAGAI AHLI

TEMUI KAMI DI :



Perbadanan Perpustakaan Awam, Negeri Sembilan




"BANGSA MEMBACA 1 MALAYSIA BERJAYA"

www.nslibrary.gov.my

Diterbitkan setiap bulan oleh :
Perbadanan Perpustakaan Awam,
Negeri Sembilan


BUKU TERKINI DI PPANS




Judul : Berikan Aku Bahagia
 Pengarang : Damya Hanna
 No. Panggilan: MF DAM
 Bahagian : Pinjaman (Dewasa)
 Harga : 28.00
 Penerbit : Alaf 21
 M/S : 400ms




Judul : Menyuburkan Kembali Jiwa Akademik
 Pengarang : Zaini Ujang
 No. Panggilan: KNS 378.595 ZAI
 Bahagian : Rujukan
 Penerbit : UTM Press
 M/S : 195ms



Judul : 99 Rahmat Ditahan di Sisi-Nya
 Pengarang : Abu Marwan
 No. Panggilan: 297.57 ABU
 Bahagian : Pinjaman(Dewasa)
 Harga : 17.00
 Penerbit : Kemilau Publika
 M/S : 250ms



Judul : Banking and Insurance Management
 Pengarang : Adam Lerwick
 No. Panggilan: 332.1 LER
 Bahagian : Pinjaman (Dewasa)
 Harga : 44.80
 Penerbit : Venus
 M/S : 320ms



Judul : 5 Minute Bedtime Stories
 Pengarang : Various Authors
 No. Panggilan: JR FIV
 Bahagian : Pinjaman (Kanak-kanak)
 Harga : 69.95
 Penerbit : Little Tiger Press
 M/S : 220ms



ULASAN BUKU

Tajuk : 99 RAHMAT DITAHAN DI SISI-NYA
Pengarang : ABU MARWAN
Penerbit : KEMILAU PUBLIKA
ISBN : 9789673611119
Harga : RM 17.00

Sinopsis:

Buku ini mengandungi banyak ayat-ayat al-Quran yang menghuraikan tentang rahmat dan kasih sayang Allah. Sama ada yang ditaburkan kepada umat manusia, mahupun untuk alam semesta. Al-Quran juga menjelaskan berbagai jalan yang perlu ditempuh untuk mencapai rahmat Allah dalam kehidupan di dunia ini. Tujuannya adalah untuk mewujudkan kehidupan damai sejahtera di dunia dan keuntungan serta kebahagiaan abadi di akhirat. Rahmat Allah meliputi setiap gerak alam dan seluruh dimensi kehidupan insan.

Melalui buku ini juga penulis berkongsi di mana, Rasulullah SAW menganjurkan kita supaya sentiasa hidup selaras dengan syariat Allah dan sunnahnya supaya kita beroleh rahmat dan kasih sayang Allah. Nabi Muhammad menjelaskan bahawa sifat kasih sayang Allah melebihi sifat marah-Nya. Oleh itu Rasulullah sentiasa melarang umatnya daripada bersifat putus asa dengan rahmat Allah.

Semoga buku ini dapat memberi manfaat kepada seluruh umat Islam. Dapatkan buku ini di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) di zon dewasa.

GLOSARI ADAT

ADAT MASUK WARIS

Istilah ini digunakan dalam luak Tampin khususnya, bermaksud orang luar wilayah adat atau orang yang tidak bersuku masuk menumpang dalam sesuatu suku. Individu berkenaan melalui adat ini akan dianggap sebagai ahli biasa suku berkenaan. Untuk mendapat taraf ini individu itu dikenakan bayaran adat seekor kambing dan wang sejumlah RM 7.70. Lihat juga adat masuk waris penghulu dan adat tumpang waris serta berkadim.

AKHIR ZAMAN

Gelaran pembeda adat yang membawa panggilan Datuk. Lembaga Suku Tiga Batu Nisan Tinggi Repah, luak Tampin.

ANCAK TAK BERBARA

Seseorang yang hadir dalam satu-satu istiadat tetapi beliau tidak dijemput dan tidak ada pula orang yang menyambut kedatangannya dan dia tidak dihiraukan oleh orang.

BALAI SERONG

Tempat duduk khas bagi Undang Luak Jelebu berhampiran dengan balai menghadap di Istana Seri Menanti. Di balai ini Undang Luak Jelebu duduk sebelum masuk ke istana untuk upacara adat istiadat diraja.

SIDANG PENGARANG BULETIN

PENAUNG

Y.B. Dato' Haji Mat Ali bin Hassan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Merangkap Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Darul Khusus

PENASIHAT

Jamilah @ Chumila binti Haji Katis Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Darul Khusus

KETUA PENGARANG

Norasykin binti Yusof Ketua Unit Perhubungan Awam, PPANS

SIDANG PENGARANG

Norhayati binti Ismail
 Siti Juhaida binti Husin
 Amar Affizi bin Aziz
 Ketua-Ketua Bahagian
 Ketua-Ketua Unit
 Ketua-Ketua Zon

PENYELARAS DAN PENGEDARAN

Salwati binti Mohd Salleh
 Unit Perhubungan Awam, PPANS

REKA BENTUK

Nine Over Ten Dot Biz

JURUFOTO


Unit Media PPANS

PENERBITAN

Unit Perhubungan Awam
 Perbadanan Perpustakaan Awam
 Negeri Sembilan Darul Khusus
 Tel : 06-763 5989/06-762 1308
 Faks : 06-763 5944
 E-Mel : proppans2014@gmail.com
 Laman Sesawang: www.nslibrary.gov.my

Sidang Pengarang Buletin PPANS amat mengalu-alukan pandangan, cadangan dan komentar terhadap buletin ini. Pandangan dan cadangan dalam menambah baik buletin amat dihargai.

BERITA GRUP SAYANGI PERPUSTAKAAN



Mari kita kongsi beberapa aktiviti yang boleh dilakukan oleh adik-adik sepanjang cuti sekolah ini. Manfaatkan masa dengan sebaiknya.

1. Kem cuti sekolah

Pelbagai kem-kem yang diadakan sempena cuti sekolah. Ambillah peluang dengan menyertai kem (camp) yang berfaedah dan dapat memberi input yang baik seperti Kem Ibadah, Kem Jati Diri dan sebagainya.

2. Sertai kelas kemahiran

Menyertai kelas jangka pendek seperti kelas memasak (cooking class), kelas muzik, kelas melukis atau kelas seni mempertahankan diri.

3. Membaca buku cerita


Aktiviti ini akan memupuk semangat membaca, meningkatkan kemahiran bahasa seperti bina ayat, perbendaharaan kata serta penulisan.

4. Mengunjungi perpustakaan

Persekitaran yang sunyi dan tenang pasti memberikan pembacaan yang lebih rileks. Bahan bacaan yang mempunyai nilai-nilai murni dapat dijadikan pengajaran.

5. Melawat ke tempat bersejarah dan ilmiah

Selain membaca buku, lawatan ke tempat-tempat bersejarah atau pusat sains seperti Muzium, Petrosains dan Planetarium juga dapat menambah ilmu pengetahuan.



INFO TAHUKAH ANDA?

MAKANAN MEMBINA OTAK SIHAT

Mempunyai daya ingatan dan daya fikiran yang tinggi sememangnya satu kelebihan. Antara jenis makanan yang boleh membantu merangsang pertumbuhan sel-sel otak dan memperbaiki fungsinya adalah telur, mentega kacang, gandum penuh, beri, susu dan yogurt dan juga daging lembu.



MESRA PERPUSTAKAAN PERPUSTAKAAN DESA KG. CHUAH

Perpustakaan Desa Kg. Chuah dengan kerjasama TBK Dun Chuah telah menganjurkan Program Mesra Perpustakaan 2014. 3 buah TBK Kemas yang terlibat adalah TBK Kg. Chuah, TBK Kg. Jawa dan TBK Kg. Pachitan. Antara aktiviti yang telah dipertandingkan adalah lari berhalangan, susun kad nombor, jigsaw puzzle, semakin jauh semakin sayang, cari benda tersembunyi, susun perkataan PERPUSTAKAAN, susun kad nombor dan nilai, cari benda tersembunyi menggunakan perkataan terbalik, lari junjung buku, dan pemeriksaan kesihatan percuma. Seramai lebih kurang 150 orang yang terdiri daripada penduduk kampung dan kanak-kanak TBK hadir bersama-sama memeriahkan program. Perasmian dan penutup program telah disempurnakan oleh Puan Safiah Binti Sidek, Penyelia Kanan TBK Kemas Parlimen Telok Kemang merangkap Ketua Wanita Umno Bahagian Telok Kemang.



PROGRAM INGENIOUS TECHNOLOGY ANJURAN PELAJAR KURSUS PEMBANGUNAN LAMAN MAYA KUMPULAN 2, UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA, NILAI

Pasir Panjang – Perpustakaan perlu menyediakan perkhidmatan yang dapat memenuhi keperluan maklumat organisasi selaras dengan bidang pengkhususan organisasi. Perkhidmatan yang disediakan perlu cepat dan tepat serta dapat menjangka keperluan pengguna. Teknologi maklumat dan komunikasi terkini perlu digunakan secara maksimum dalam meningkatkan dan mempelbagaikan perkhidmatan. Seramai 24 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar semester 1 Kursus Pembangunan Laman Maya, Program Ingenious Technology daripada Universiti Islam Malaysia, Nilai telah menyerahkan Laman Web Perpustakaan Desa Pasir Panjang. Majlis penyerahan telah dilaksanakan pada 6 Disember 2014 yang bertempat di Perpustakaan Desa Pasir Panjang. Majlis telah disempurnakan oleh Ketua Kampung Pasir Panjang, Encik Nor Hashim Bin Idris. Laman Web adalah bertujuan untuk memberikan serba sedikit penerangan asas tentang perkhidmatan, kemudahan yang disediakan, waktu operasi Perpustakaan Desa dan segala aktiviti berkaitan Perpustakaan Desa dan setempat khususnya.



PPANS SEDIA MEMBANTU : KHIDMAT NASIHAT DAN BENGKEL PENGEUSAN PERPUSTAKAAN DI PUSAT SUMBER SEKOLAH MAHAD AHMADI GEMENCHEH

Pihak PPANS telah dijemput untuk mengadakan Khidmat Nasihat dan Bengkel Pengurusan Perpustakaan Di Pusat Sumber Sekolah Maahad Ahmadi Gemencih. Seramai 10 orang guru terlibat didalam program ini. Program ini di ketuai oleh Puan Beldiana bt Haji Ibrahim, Ketua Unit Pembangunan & Penyelenggaraan. Para peserta telah diberi taklimat mengenai Pengurusan Perpustakaan. Pihak sekolah turut meminta cadangan dan khidmat nasihat daripada PPANS dari segi keceriaan untuk tujuan menaiktaraf pusat sumber mereka.

PPANS sedia membantu didalam memberi khidmat nasihat serta tunjuk ajar bagi pengurusan perpustakaan.



KONVENSYEN INOVATIF & KREATIF KALI KE-4 DI HOTEL CAPTHORNE, PULAU PINANG

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan telah menyertai Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif Peringkat Kebangsaan (KIK) di Pulau Pinang pada 24 hingga 26 November 2014.

Seramai 15 orang kakitangan telah terlibat, diketuai Oleh Encik Hamdan bin Haji Nordin, Penolong Pengarah PPANS. Produk yang diperkenalkan sempena KIK kali ini ialah 'e-Daftar'. E-daftar boleh digunakan untuk memudahkan proses pendaftaran ahli PPANS di luar premis perpustakaan. Ini akan menambahkan kemudahan yang terdapat di perpustakaan untuk kemudahan orang ramai.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YB Datuk Mohamad Salleh Man, Dun Permatang Pasir.



HARI AUDIT 1 MALAYSIA & PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM 2014

Pada 24 November 2014, telah diadakan Majlis Pelancaran Pelan/Garis Panduan Oleh YAB Menteri Besar Kedah Darul Aman mengenai Pelan kesinambungan Perkhidmatan Jabatan Audit Negara, Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Akruan Berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institution (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST).

Dalam majlis yang gilang-gemilang itu juga, penyampaian Anugerah Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2013 dan Sijil Areditasi ACCA Approved Employer telah diadakan. Tetamu Kehormat pada majlis tersebut adalah Y.Bhg. Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin Buang Ketua, Audit Negara dan penyampaian oleh YAB Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Mahathir, Menteri Besar Kedah Darul Aman.



Sebanyak 126 agensi/jabatan dari sektor awam seluruh Malaysia menerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti 2013 bertaraf 4 bintang. Dari 14 jabatan yang diaudit oleh Jabatan Audit Negara, Negeri Sembilan pada tahun 2013, 9 agensi/jabatan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan telah menerima anugerah tersebut antaranya ialah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.

Puan Jamilah @ Chumila bt. Hj. Katis, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan telah menerima anugerah tersebut dari YAB Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Mahathir, Menteri Besar Kedah dengan diringi Y.Bhg. Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin Buang, Ketua Audit Negara.

PROGRAM JOM MEMBACA DI PERPUSTAKAAN FELDA PASOH

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Dengan Kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia, Jawatankuasa Gerakan Membaca Daerah Jelebu Dan JKKK Felde Pasoh 1 telah mengadakan Program Jom Membaca Di Perpustakaan Desa Pasoh 1 Pada 18 November 2014.

Majlis telah disempurnakan oleh Tuan Haji Dol Ramli bin Mustafa, Wakil YB Dato' Jalaluddin bin Haji Alias, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan. Turut hadir bersama-sama ialah Tuan Haji Mohamad Roduan bin Ujang, Pegawai Daerah Jelebu, Encik Abd. Rahman bin Saikin, Pengerusi JKKK Felde Pasoh 1 dan Encik Mohamad Rizwan bin Yusof, Pemangku Penolong Pengarah PPANS.

Program telah bermula dari pagi dengan pelbagai aktiviti yang disediakan kepada pengunjung seperti pertandingan mewarna, demonstrasi masakan, pertandingan gubahan tuala, sesi bersama makteh, ceramah anti dadah, ceramah agama, pemeriksaan kesihatan percuma dan hadiah pembaca terbanyak.




CUTI SEKOLAH @ PERPUSTAKAAN



Kuiz Roda
Perpustakaan Awam
Cawangan Port Dickson



Kraftangan Daripada Kayu
Perpustakaan Desa
Kg. Rendah, Rembau



Jom Membaca
Lawatan Tadika Permata Iman
Perpustakaan Awam Negeri, Seremban



Pameran Seni Visual & Bimbingan Seni
Perpustakaan Awam Cawangan Port Dickson
3 Disember hingga 25 Disember 2014



Aktiviti Santai
Perpustakaan Awam Cawangan Jempol